

Memasyarakatkan mahasiwa, memahasiswaikan masyarakat

PERISYTIHARAN
... Dr Kassim menandatangani plak perisytiharan SMK Beaufort II sebagai sekolah angkat UMS.



PENUH ISTIADAT... Dr Kassim (dua kanan) diarak penuh istiadat ketika meninggalkan dewan perasmian.

Pelajaran Negeri Sabah berkata, program sekolah angkat dan universiti angkat itu menjadi wadah lonjakan perdana SMK B II dalam usaha memburu pelbagai kejayaan khasnya pembangunan Insan Kamil dalam merealisasikan visi dan misi sekolah. Beliau turut berharap semua pihak, dari kalangan warga guru, ibu bapa, masyarakat dan golongan pelajar khasnya dapat memanfaatkan komitmen padu dan usaha murni itu dalam membina kejayaan yang lebih cemerlang. "Semoga dengan adanya kesepaduan hati, minda dan tindakan ini akan mencorak

putera puteri kita sebagai modal insan yang mampu menerajui kepimpinan negara sekali gus mampu berhadapan persaingan di persada global," katanya. Sementara itu, Kassim pula menanam pokok sebagai tanda ingatan dan simbolik hubungan yang terjalin antara SMK B II dan UMS. Semoga jalinan hubungan itu terus abadi bukan hanya dalam lipatan sejarah tetapi yang lebih penting cahaya kejayaannya akan terus bersinar sepanjang zaman walaupun potret kenangan yang dirakam beramai-ramai semakin kabur warnanya kelak.



HADIR... Sebahagian guru-guru dan ibu bapa yang hadir pada majlis itu.



ALBUM... Dr Kassim (duduk tujuh kiri) merakamkan gambar kenangan bersama, jemputan dan warga pendidik SMK Beaufort II.

komponen akademik sebagai persiapan mereka untuk menghadapi peperiksaan, seperti SPM dan STPM. "Selain daripada objektif utama ini, kita ada beberapa aktiviti lain, secara

UMS menabur bakti dalam program Memasyarakatkan Mahasiwa dan Memahasiswaikan Masyarakat. Jadi kita cuba nak memahasiswaikan pelajar di mana sebelum



CENDERAMATA... Dr Kassim menerima cenderamata daripada Mohd Noor Zam (kiri).

Hadir sama pada majlis yang diserikan dengan persembahan koir itu Penolong Pengarah Kanan Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh dan Kluster Kecemerlangan, Sektor Pengurusan Sekolah, Dikin Musah, Pegawai Pelajaran Daerah Beaufort, Salleh Eddris, Penolong Kanan Pentadbiran selaku pemangku Pengetua SMK B II, Mohd Noor Zam Yusoff, Yang Dipertua PIBG, Salihin Ahmad dan pengetua-pengetua sekolah menengah daerah Beaufort dan Sipitang. Dalam ucapan perasmian, Kassim berkata seiring dengan cabaran globalisasi, anjakan paradigma perlu dilakukan untuk mengimplimentasikan segala aspirasi yang dicita-citakan. "Matlamat untuk mewujudkan pendidikan bertaraf dunia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini adalah satu gagasan yang memerlukan komitmen pelbagai pihak. "Saya yakin dan percaya, melalui kolaborasi majlis

bersejarah ini akan menjadi suntikan semangat dan pemangkin kejayaan SMK B II dalam meningkatkan jati diri, sahsiah kepribadian pelajar, kemahiran bersama dan khasnya kemantapan agama yang pasti mampu menjana modal insan kelas pertama," katanya. Pada majlis bersejarah itu, Kassim menyempurnakan upacara gimik pelancaran dan menyaksikan persembahan video sebelum menandatangani plak pengisytiharan sekolah angkat. Sementara itu, Dikin yang mewakili Pengarah



(gambar kanan) KOIR... Persembahan koir oleh pelajar.

(gambar kiri) WARGA PELAJAR... Sebahagian daripada pelajar SMK Beaufort II yang membanjiri dewan terbuka.

UB 8/7/2011 B1
Oleh ABDUL BAKAR ESAH
aing159@yahoo.com.my

SEKOLAH Menengah Kebangsaan Beaufort II (SMKB II) melakar sejarahnya yang tersendiri apabila diisytiharkan sebagai sekolah angkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini, iaitu sekolah kedua di negeri ini selepas SMK Sikuati Kudat pada 2007.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr Kassim Md Mansor berkata antara objektif program itu ialah untuk membina motivasi pelajar di samping memberi ruang kepada mahasiswa untuk menabur bakti sebagai usaha memasyarakatkan mahasiswa dan memahasiswaikan



SUBUR INGATAN... Dr Kassim menanam pokok di perkarangan sekolah SMK Beaufort II sebagai tanda kenangan majlis perisytiharan SMK Beaufort II sebagai sekolah angkat UMS.

masyarakat, khasnya golongan pelajar. "Pada peringkat awalnya, program kita lebih menjurus kepada pelajar. Apabila motivasi itu terbina, kita akan masukkan komponen-

umumnya ialah aktiviti ko-kurikulum seperti jati diri, yakin diri, kemahiran dan bakat dalam diri pelajar seperti pengucapan umum dan sebagainya. "Ianya juga memberi ruang kepada mahasiswa

mereka masuk ke universiti kita cuba mahu tanamkan kemahasiswaan itu," katanya kepada Utusan Borneo di sini selepas majlis perisytiharan SMK Beaufort II sebagai Sekolah Angkat UMS, baru-baru ini.

